

2,742 graduan UMS terima skrol

KONVOKESYEN ketujuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) berlangsung di Dewan Canselor universiti itu di Teluk Sepangar, Kota Kinabalu, Sabtu dan Ahad ini, akan menyaksikan 2,742 graduan menerima anugerah masing-masing.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, berkata daripada jumlah itu, 2,565 graduan sarjana muda, sarjana (173), manakala empat lagi doktor falsafah (PhD).

Katanya, seramai 15 pelajar luar negara yang menamatkan pengajian peringkat sarjana, iaitu lapan dari China, India (tiga) dan masing-masing seorang dari Myanmar, Kemboja, Filipina dan Nigeria, turut me-

nerima anugerah.

"Peningkatan pelajar sarjana dari luar negara, terutama China membuktikan UMS semakin dikenali pada peringkat antarabangsa," katanya pada sidang media selepas majlis mesra media UMS 2005 di Marina Sutera, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Seramai 100 kakitangan universiti itu dan ahli Persatuan Wartawan Sabah (SJA) hadir. Pada majlis itu, Dr Mohd Noh turut menyampaikan cek RM5,000 kepada Timbalan Presiden SJA, Kamaruddin Liusin, bagi menjayakan pelbagai kegiatan persatuan itu.

Pada konvokesyen kali ini, Dr Mo-

hd Noh berkata, seramai 494 graduan dari Sekolah Sains dan Teknologi, Perniagaan dan Ekonomi (413), Pendidikan dan Pembangunan Sosial (405) dan Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (365).

Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat seramai 209, Sains Sosial (184), Sains Informatik Labuan (129), Sains Makanan dan Pernakan (126), Psikologi dan Kerja Sosial (80), Perhutanan Tropika Antarabangsa (80) dan Pengajian Seni (56).

Anugerah kepada graduan akan disampaikan Yang di-Pertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS, Tun Ahmadshah Abdullah.